

Khairina gabung budaya tiga bangsa di Malaysia

Dialog Seni

Bersama

Shaidah Shafie

BAGAIMANAKAH Khairina Khairudin boleh terbabit dengan seni halus?

Saya sering melihat ibu saudara berkarya di kanvas dan situasi itu mempengaruhi saya. Pendedahan pada awal usia ini, begitu mempengaruhi saya untuk minati seni halus. Saya mula memikirkan secara serius mengenai seni halus selepas menamatkan pengajian tingkatan enam.

Apakah hala tuju Khairina pada masa itu?

Saya melanjutkan pengajian dalam bidang seni halus di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Saya bertambah yakin dalam bidang ini selepas tamat pengajian dan mempengaruhi saya menentukan kerjaya pilihan. Saya mula giat berkarya dan berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Institut Lim Kok Wing dari 2001 hingga 2005.

Mengapakah tepak sirih, pelita dan teko sering melatari karya Khairina?

Saya menggabungkan ketiga-tiganya kerana ia menggambarkan budaya tiga bangsa negara ini iaitu Melayu, China dan India. Bagaimanapun, saya hanya

melukis bingkai ketiga-tiga objek tersebut dan sengaja berbuat demikian dengan harapan khalayak menafsir sendiri pengisiannya. Mungkin juga asimilasi budaya boleh diguna pakai dalam situasi ini. Meskipun tepak sirih mewakili budaya Melayu, sesiapa boleh menjadikannya sebagai hiasan pilihan mereka. Hakikatnya, budaya kita pelbagai dan bernaung di bawah satu bumbung.

Apakah medium pilihan Khairina ketika berkarya?

Saya gemar menggunakan akrilik. Pada saya, akrilik menimbulkan kesan pandang yang menyerlah berbanding cat air. Bagaimanapun, selepas berkeluarga dan mempunyai anak, saya beralih kepada cat air kerana kesannya tidak ketara kepada manusia.

Bagaimanakah cara Khairina berkarya?

Saya akan melakar terlebih dulu dan mencetak gambar berkenaan di atas skrin. Gambar daripada skrin terbabit akan dialihkan ke kanvas melalui teknik tertentu. Hanya selepas itu, proses mewarna bermula. Kerja itu akan dapat disiapkan dalam masa tiga hari jika dilakukan secara berterusan.

Apakah perancangan Khairina pada masa depan?

Saya berharap akan memiliki galeri sendiri pada suatu hari. Mungkin 10 atau

20 tahun akan datang kerana saya perlu memantapkan diri, belajar dan mengutip ilmu sebanyak mungkin. Setiap hari ada saja ilmu baru yang boleh dipelajari. Ia boleh dipelajari melalui pengalaman dan pembacaan.

Apakah pandangan Khairina dengan pendapat sesetengah pihak bahawa seni tidak menjanjikan masa depan?

Pendapat itu subjektif dan terpolung kepada individu masing-masing. Jika tidak menjanjikan masa depan, tidak akan ada orang yang bergiat dalam bidang ini secara sepenuh masa. Saya yakin setiap pekerjaan yang dilakukan dengan kesungguhan akan memberi hasil positif.

PROFIL

Khairina Khairudin


Tempat lahir: Alor Star, Kedah

Tahun lahir: 1976

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Seni Halus, Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Kerjaya: Artis sepenuh masa

Pameran: *Woman at Work* (Galeri Tangsi-2000) dan *Faith, Plurality and Freedom* (Galeri Pelita Hati-2006)



FALSAFAH SENI: Khairina yakin setiap kerja yang dilakukan dengan kesungguhan akan membawa hasil positif dan begitu juga dalam seni.